



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN PAKEJ KERJA STESEN KEPADA IJM

Kuala Lumpur, 15 Jun 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan kontrak pembinaan stesen bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pakej Kerja S203 pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja berkaitan di Sri Delima, Kampung Batu, Kentonmen dan stesen separa tenggelam di Jalan Ipoh telah dianugerahkan kepada IJM Construction Sdn Bhd.

Nilai kontrak ialah RM342.18 juta.

Penganugerahan pakej kerja ini telah dibuat selepas satu Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (*One Stop Procurement Committee*) yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Panggilan tender bagi Pakej Kerja S203, yang merupakan pakej kerja kategori terbuka, bermula pada 29 November 2016 dan berakhir pada 20 Februari 2017. Sebanyak tujuh syarikat telah mengemukakan tender bagi Pakej Kerja.

IJM Construction juga merupakan kontraktor pakej kerja bagi Pakej Kerja V203 untuk pembinaan jejambat bertingkat dan kerja-kerja berkaitan dari Jinjang ke Syaf Kecemasan Utara Jalan Ipoh. Empat stesen yang akan dibina oleh IJM Construction di bawah kontrak yang baru dianugerahkan ini terletak di sepanjang bahagian jejambat bertingkat ini.

Sebelum ini, IJM Construction turut dianugerahkan dua kontrak bagi MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK), iaitu untuk pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat dan kerja-kerja berkaitan dari Portal Maluri ke Stesen Taman Connaught (Pakej Kerja Jejambat Bertingkat V5); dan juga pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja berkaitan di Taman Pertama, Taman Midah, Taman Mutiara dan Taman Connaught (Pakej S5).

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar mengucapkan tahniah kepada IJM Construction Sdn Bhd dan mengalu-alukan penyertaan mereka yang sudah berpengalaman dengan Projek MRT Lembah Klang.



"IJM Construction mempunyai begitu banyak pengalaman kerja dengan Projek MRT dan pengalaman yang tidak ternilai ini adalah amat berguna semasa melaksanakan kontrak yang terbaharu ini. Saya percaya mereka akan mengekalkan rekod yang baik dengan memastikan prestasi yang terbaik untuk Projek Laluan SSP," kata beliau.

Tambah Shahril, IJM yang telah dipilih berdasarkan Penilaian Tender Terbaik, di mana tender telah dinilai atas penilaian teknikal, komersil, undang-undang dan kewangan.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

***Mr Leong Shen-li
MRT Corp***

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my